



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MINISTRY TO HELP FARMERS GET ASSISTANCE, NEWS IN BRIEF, NST -12 PERSATUAN PENTERNAK AYAM GESA PERJUMPAAN BERSAMA MAFI, SH -ONLINE PENTERNAK AYAM MAHU JUMPA MAFI, NEGERI PAHANG, SH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	KOMUNITI KITA, KOSMO -32 1,743 PETANI DAPAT BANTUAN, NASIONAL, BH -20	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7.	LEBIH RM1 JUTA PAMPASAN PENTERNAK TERJEJAS WABAK DEMAM BABI AFRIKA, LOKAL, HM -16 LEBIH RM1 JUTA PAMPASAN PENTERNAK TERJEJAS WABAK DEMAM BABI AFRIKA, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9. 10.	ANOTHER GREEN TURTLE CARCASS FOUND ON KIJAL BEACH, NATION, THE STAR -10 PANTAI KIJAL CATAT EMPAT KES KEMATIAN PENYU, DALAM NEGERI, UM -12 LAGI BANGKAI PENYU TERDAMPAR DI PANTAI, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12.	SASAR PENINGKATAN HASIL PADI LAPAN TAN PER HEKTAR, NASIONAL, BH -20 SASAR PENINGKATAN 8 TAN PER HEKTAR, LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13.	AYAM SAGA MAMPU TAMPUNG KEPERLUAN PERMINTAAN, NASIONAL, BH -5	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	100 PENANAM TEMBIKAI RUGI KEBUN DINAIRI AIR, NASIONAL, BH -19 'PESTA' CARI SIPUT REMIS DI PANTAI PERSIARAN GURNEY, NEGARA, KOSMO -18 IKAN TAPAH 'GERGASI' DIJUAL RM2,750 SEEKOR, NEGARA, KOSMO -18 PENTERNAK DAKWA TERSEKIT DENGAN SYARAT KERAJAAN, NASIONAL, BH -5 SPIKE IN COST LEAVES DURIAN FARMERS IN THORNY SPOT, NATION, THE STAR -3 PETANI RUGI TEMBIKAI DITENGGELAMI AIR, NEGERI KELANTAN, SH -26 RUGI RM500,000 TANAMAN TEMBIKAI DIGENANGI BANJIR KILAT, NEGARA, KOSMO -12 BEKALAN AYAM, TELUR PATUT PULIH DUA SAHAJA -FOMCA, DALAM NEGERI, UM -9 PENDAPATAN PESAWAH ALAMI KEMEROSOTAN 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -31 OKU CATAT PENGLIHATAN CABAR DIRI TERNAK ARNAB, USAHA NIAGA, HAKAKAH -H24 NANAS MD2 TAWAR PENDAPATAN HINGGA RM80,000 SEEKAR - USAHAWAN TANI, USAHAWAN TANI, HAKAKAH -H24	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	NST	NEWS IN BRIEF	12

Ministry to help farmers get assistance

PASIR PUTEH: The Agriculture and Food Industries Ministry will meet farmers, including in rural areas, to help them get information on assistance offered by the government. Deputy Minister II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the ministry's agencies would carry out this initiative to help farmers in the short and long term. "The agencies will also help them (farmers) to receive immediate assistance, and help them fill out application forms." He said this after officiating at the Agrobank community programme at the Cherang Rotan area farmers organisation hall here on Tuesday. Present was Agrobank president and chief executive officer Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Persatuan penternak ayam gesa perjumpaan bersama MAFI



Pelbagai tekanan yang terpaksa dihadapi oleh penternak kontrak di negara ini. (Gambar kecil: Jamaluddin Abd Ghani, Norhayati Ismail)

TEMERLOH - Persatuan Penternak Ayam Melayu Pahang menggesa satu perjumpaan diadakan di antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan penternak ayam kontrak di negara ini.

Pengerusinya, Jamaluddin Abd Ghani berkata, sehingga kini masih belum ada pertemuan dengan penternak kontrak susulan pemberian subsidi 60 sen sekilogram ayam hidup oleh kerajaan.

"Penternak ayam pedaging menerima banyak kesan negatif berikutan kenaikan pelbagai kos selain dedak, kos peralatan juga semakin mahal serta kesukaran mendapatkan tenaga kerja.

"Penternak kontrak bergantung kepada hasil jualan sepenuhnya. Jadi kami memang sangat mengharapkan subsidi ini kerana ia dapat membantu penternak kembali bangkit khususnya yang terjejas akibat Covid-19 dan bencana alam banjir baru-baru ini," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.

Beliau berkata, bagaimanapun timbul persoalan daripada penternak ayam ada subsidi itu akan terus disalurkan terhadap syarikat integrator atau penternak kontrak.

Sementara itu, Timbalan Pengerusinya, Norhayati Ismail memberitahu, satu memorandum dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Pahang pada Rabu.

Menurutnya, penternak kontrak kian tertekan dengan pelbagai kenaikan yang terpaksa dihadapi mereka.

"Secara kasarnya, penternak ayam kini berdepan masalah kenaikan kos penjagaan ayam dan operasi ladang berikutan pulangan jualan di bawah modal disebabkan faktor kenaikan harga makanan ayam (dalam kontrak ternakan), tenaga buruh serta utiliti.

"Contohnya, di negeri ini, hanya tinggal kira-kira 50 peratus penternak yang masih bertahan, 40 peratus lagi menghilangkan diri dalam bidang ini dan selebihnya menyewakan ladang mereka," katanya.

Dalam pada itu, Norhayati turut menjelaskan kebanyakan penternak bumiputera juga masih menggunakan sistem tradisional iaitu reban terbuka.

Persatuan itu kini memiliki lebih 30 ahli dari pelbagai daerah dan ditubuhkan sejak lima tahun lalu dengan kapasiti keseluruhan jumlah ternakan ayam lebih 1 juta.

Penternak ayam mahu jumpa MAFI

Mahu bincang segera berkaitan pemberian subsidi 60 sen bagi sekilogram ayam oleh kerajaan.

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Persatuan Penternak Ayam Melayu Pahang menggesa supaya satu perjumpaan diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan para penternak ayam kontrak di negara ini.

Pengerusinya, Jamaluddin Abd Ghani berkata, sehingga kini masih belum ada pertemuan dengan penternak kontrak susulan pemberian subsidi 60 sen sekilogram ayam oleh kerajaan. Menurutnya, ia juga menjadi



JAMALUDDIN



NORHAYATI



Pelbagai tekanan yang terpaksa dihadapi oleh penternak kontrak di negara ini.

teka-teki buat mereka sama ada subsidi itu akan terus disalurkan terhadap syarikat integrator atau penternak kontrak.

“Seperti kami terdiri penternak ayam pedaging menerima banyak kesan negatif berikutan kenaikan pelbagai kos selain dedak, kos peralatan juga semakin mahal serta kesukaran mendapatkan tenaga kerja.

“Kami memang sangat mengharapkan subsidi ini ke-

rana ia dapat membantu penternak kembali bangkit khususnya yang terjejas akibat pandemik Covid-19 dan bencana alam banjir baru-baru ini,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Jamaluddin berkata, penternak kontrak bergantung sepenuhnya kepada hasil jualan.

“Kami memang mengharagai dan ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana

insentif ini selain bantuan lain yang pernah diberikan selama ini,” ujarnya lagi.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi persatuan berkenaan, Norhayati Ismail berkata, satu memorandum sudah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang pada Rabu.

Tambahnya, penternak kontrak kian tertekan dengan pelbagai kenaikan yang terpaksa

dihadapi mereka.

“Secara kasarnya, penternak ayam kini berdepan masalah kenaikan kos penjagaan ayam dan operasi ladang berikutan pulangan jualan di bawah modal disebabkan faktor kenaikan harga makanan ayam (dalam kontrak termakan), tenaga buruh serta utiliti.

“Contohnya, di negeri ini, hanya tinggal kira-kira 50 peratus penternak yang masih bertahan, manakala 40 peratus lagi menjangkakan diri dalam bidang ini dan selebihnya menyewakan ladang mereka,” ujarnya.

Dalam pada itu, Norhayati juga menjelaskan kebanyakan penternak bumiputera juga masih menggunakan sistem tradisional iaitu reban terbuka.

Persatuan itu kini memiliki lebih 30 ahli daripada pelbagai daerah dan ditubuhkan sejak lima tahun lalu dengan kapasiti keseluruhan jumlah termakan ayam lebih satu juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	KOSMO	KOMUNITI KITA	32



PENGARAH Pertanian negeri Perak, Norsiyenti Othman (dua dari kiri) menyampaikan set nutri-pot kepada mangsa ribut di Taman Tasek Damai, Ipoh, Perak baru-baru ini. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian negeri, Yahanis Yahya (kiri).



Mohammed Samad (tengah) ketika melabuhkan Lawatan Kerja ke Tapak Program Model Pengurusan Padi (EMM) 2.0 di bawah Pintas Bersepadu Pelaksanaan Koridor Utara (NCA) di Kampung Asam Jawa, semalam. (foto: Ismail/Agensi Berita MAM)

Sasar peningkatan hasil padi lapan tan per hektar

Kedah harap program guna Pinter pertanian diperluas

Oleh Norazwa Abdul Rahman
bthnews@hib.com.my

Pendekatan Kerajaan negeri bersama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCLA) memfokuskan kepada meningkatkan hasil per hektar menjelang 2025 menerusi Program Model Pengurusan Espek Padi (EMM) 2.0.

Menyertai Besar, Datuk Seri Mohamad Samad (tengah) ketika melabuhkan Lawatan Kerja ke Tapak Program Model Pengurusan Padi (EMM) 2.0 di bawah Pintas Bersepadu Pelaksanaan Koridor Utara (NCA) di Kampung Asam Jawa, di sini sejak tahun lalu, adalah kesibukan kegiatan Program Model Pengurusan Espek Padi (EMM) 2.0 yang diperkenalkan pada 2011.

"Kita harap program yang menggunakan Sistem Pertanian

Pinter (SPP) ini dapat diperluas ke semua kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MAM) di NCEER.

"Penggunaan SPP ini juga akan menarik minat golongan petani yang tergolong dalam kelompok pesepak mahir dalam industri pertanian dengan penggunaan peralatan terkini," katanya.

Berita beritanya, Program EMM 2.0 akan dilaksanakan pada tahun 2021 membolehkan 2,000 hektar sawah di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang setaranya diperluas ke beberapa lokasi lain di Kuala Nipah Selatan, Asar dan Kerak.

"Dalam masa dua musim, pelaksanaan Program EMM 2.0 akan menyakinkan peningkatan perolehan padi yang sangat signifikan. Dengan menggunakan mesin 3.3 tan per hektar kepada enam tan per hektar.

"Ini juga meningkatkan pendapatan petani sehingga 27 peratus dan penggunaan jentera traktor per hektar akan berkurang pada tahap 80 peratus," katanya.

1,743 petani dapat bantuan

Kuasean: Seramai 1,743 petani Pulau Pinang yang mendapat sumbangan bantuan di bawah Program Agribusiness Semula Projek Agribusiness (APSA) berjumlah RM160,000," katanya dihubungi di sini, semalam.

Bekas berikatan, pihaknya sudah mengahamir permohonan mendapatkan bantuan berikatan ke Jabatan Pertanian Pulau Pinang untuk tujuan penilaian keelulusan.

Muhammad Rizal berkata, kerugian lebih RM12.4 juta dialami dalam sektor pertanian tanaman agromakanan di Pulau Pinang akibat banjir yang melanda kawasan tersebut pada hujung tahun 2020.

"Saya berharap bantuan yang akan diterima oleh petani dan pekebun nombor satu dan dua ini dapat membantu mereka kembali membangkitkan usahanya projek yang dilaksanakan sebelum ini.

"Ramai pekebun yang menggunakan pelbagai jenis tanaman seperti padi, kelapa, pisang, dan sebagainya yang akan mendapat bantuan ini. Selain itu, projek ini juga akan menarik minat golongan petani yang tergolong dalam kelompok pesepak mahir dalam industri pertanian dengan penggunaan peralatan terkini," katanya.

Berita beritanya, Program EMM 2.0 akan dilaksanakan pada tahun 2021 membolehkan 2,000 hektar sawah di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang setaranya diperluas ke beberapa lokasi lain di Kuala Nipah Selatan, Asar dan Kerak.

"Dalam masa dua musim, pelaksanaan Program EMM 2.0 akan menyakinkan peningkatan perolehan padi yang sangat signifikan. Dengan menggunakan mesin 3.3 tan per hektar kepada enam tan per hektar.

"Ini juga meningkatkan pendapatan petani sehingga 27 peratus dan penggunaan jentera traktor per hektar akan berkurang pada tahap 80 peratus," katanya.

Lebih RM1 juta pampasan penternak terjejas wabak demam babi Afrika

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengangarkan bayaran pampasan kepada penternak babi yang terjejas akibat wabak Demam Babi Afrika (ASF) di Melaka adalah melebihi RM1 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, pihaknya sudah mengemukakan kertas cadangan peningkatan kadar pampasan untuk tambahan peruntukan kepada penternak terbabat.

Menurutnya, kertas cadangan itu dalam penelitian Kementerian Pertanian dan

Industri Makanan (Mafi).

“Penternak yang terbabat dengan virus ASF ini boleh diberi pampasan di mana JPV sudah memperoleh kelulusan bayaran pampasan ternakan berpenyakit berdasarkan keputusan Kementerian Kewangan pada 2011.

“Namun, jumlah pampasan hanya terhad kepada RM1 juta setahun dan JPV sudah me-

ngemukakan kertas cadangan bagi peningkatan kadar pampasan

dan tambahan peruntukan pampasan bagi memenuhi keperluan pelupusan ternakan terjangkit terutama berkaitan wabak penyakit kulit berbintil (LSD) dan ASF.

“Kertas cadangan itu bagaimanapun masih dalam tindakan penelitian untuk kelulusan di peringkat MAFI,” katanya di sini.

Mengulas lanjut, Dr Norlizan berkata,

sehingga kini sebanyak

21,047 babi dilupuskan JPV Melaka di 26 la-

dang akibat virus ASF bagi mencegah penularannya.

Menurutnya, pelupusan 21,047 babi itu termasuk 3,931 babi yang mati akibat virus terbabat dan ditanam di tapak pelupusan.

“Pelupusan babi bagi 20 premis yang positif ASF selesai pada 19 Januari lalu manakala bagi lima premis yang baharu dikesan positif selesai pada 29 Januari lalu.

“Sementara pelupusan bagi sebuah premis yang baru dikesan positif pada 31 Januari lalu dijalankan pada 4 Februari dan 5 Februari lalu,” katanya.

**Sebanyak 21,047
babi dilupuskan JPV
Melaka di 26 ladang**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Lebih RM1 juta pampasan penternak babi terjejas wabak ASF



KUALA LUMPUR: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menganggarkan bayaran pampasan kerajaan kepada penternak yang terjejas akibat wabak Demam Babi Afrika (ASF) di Melaka adalah melebihi RM1 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata bagi tujuan itu, JPV sudah mengemukakan kertas cadangan bagi peningkatan kadar pampasan dan tambahan peruntukan kepada penternak terbabit di

mana ia sedang dalam penelitian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sehingga kini sebanyak 21,047 babi dilupuskan JPV Melaka di 26 ladang akibat virus ASF bagi mencegah penularannya.

"Bagi kawalan penyakit ASF berdasarkan Seksyen 20, Akta binatang 1953, penternak yang terbabit dengan virus ASF ini boleh diberikan pampasan di mana JPV sudah memperoleh kelulusan bayaran pampasan ternakan berpenyakit berdasarkan keputusan Kementerian Kewangan pada tahun 2011.

"Namun jumlah pampasan diterima JPV hanyalah terhad kepada RM1 juta setahun.

"Justeru, JPV sudah mengemukakan kertas cadangan bagi peningkatan kadar pampasan dan tambahan peruntukan pampasan bagi memenuhi keperluan pelupusan ternakan terjejangit terutamanya berikutan wabak penyakit kulit berbintil (LSD) dan ASF.

"Kertas cadangan ini bagaimanapun masih dalam tindakan penelitian untuk kelulusan di peringkat MAFI," katanya kepada BH, di sini.

Pada 24 Disember lalu, JPV mengesahkan berlaku penularan penyakit ASF di tujuh ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah, Melaka melalui pengesanan sampel yang diuji di Makmal Veterinar Sepang pada 20, 22 dan 23 Disember.

Pada masa sama, Dr Norlizan berkata, oleh kerana jumlah pelupusan ternakan babi yang dijangkiti ASF adalah tinggi, JPV juga menghantar permohonan peruntukan pampasan dan kos operasi program kawalan dan pelupusan ASF di Melaka kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau berkata, jabatan turut mengusulkan keperluan bantuan dibawah bencana semasa mesyuarat Tabung Bencana Pertanian pada 24 Januari lalu.

Katanya, pelupusan 21,047 ekor babi itu termasuklah 3,931 ekor babi yang mati akibat virus terbabit dan ditanam di tapak pelupusan.

"Pelupusan babi bagi 20 premis yang positif ASF selesai pada 19 Januari lalu manakala bagi lima premis yang baharu dikesan positif selesai pada 29 Januari lalu. Sementara pelupusan bagi sebuah premis yang baru dikesan positif pada 31 Januari dijalankan pada 4 dan 5 Februari lalu," katanya.

Sehingga kini, Norlizan berkata, sembilan ladang di Paya Mengkuang masih bebas daripada jangkitan ASF.

Beliau berkata, penternak sudah pun dinasihatkan supaya meningkatkan tahap biosekuriti ladang supaya dapat mencegah penularan virus ASF ke dalam ladang mereka.

"JPV juga membantu dalam menjalankan disinfeksi di rumah sembelih dan jalan-jalan ladang serta kenderaan yang memasuki kawasan ladang di Paya Mengkuang.

"Terdapat dua stesen disinfeksi iaitu di tapak pelupusan dan pada laluan utama kenderaan selain penyediaan tujuh laluan jalan kecil di kawasan Paya Mengkuang dengan guni yang di tabur dengan kapur," katanya.

Beliau berkata, bagi 26 ladang yang sudah dijangkiti, ia memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk beroperasi semula selepas melalui beberapa proses tertentu.

Katanya, ia termasuklah proses pembersihan dan disinfeksi secara sepenuhnya untuk membunuh virus dan dibiarkan kosong selama 40 hari termasuk persampelan calitan pada lantai, dinding dan palung makanan selain nyahkutu babi.

"Selepas itu, surveilan ternakan sentinel perlu dijalankan selama 40 hari lagi dengan meletakkan dua babi sihat di setiap kandang untuk mengetahui sama ada virus ASF masih terdapat di dalam ladang. Babi sentinel ini perlu dipantau dari masa semasa untuk mengesan jangkitan dan tanda klinikal yang berlaku semasa tempoh surveilan terbabit," katanya.

Another green turtle carcass found on Kijal Beach

KUALA TERENGGANU: Another green turtle was found dead on Kijal Beach near Kemaman.

The carcass of the male turtle was found yesterday morning by Roslan Muhammad, 54, when he was collecting turtle eggs on the beach at 8.30am.

This is the fourth carcass of the green turtle species found on the beach so far this year.

"Based on its physical condition, I estimate that the turtle is between 60 and 80 years old. It is believed to have drowned after being trapped in a net," Roslan told Bernama.

The first turtle death was reported on the same beach on Jan 30, followed by two more cases on Jan 31 and Feb 14.



Cutting their losses

A few farmers clearing the 91ha land of watermelon plants that were completely destroyed in floods, with losses amounting to RM910,000 at Kampung Telaga Papan in Setiu, Terengganu. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Pantai Kijal catat empat kes kematian penyu

KEMAMAN: Pantai Kijal di sini merekodkan empat kes kematian penyu susulan penemuan seekor lagi bangkai reptilia marin berkenaan, semalam.

Pemajak telur, Roslan Muhammad, 54, berkata, bangkai penyu jantan dianggarkan berusia antara 60 hingga 80 tahun itu ditemukan pada pukul 8.30 pagi.

Katanya, penemuan terbaharu itu kurang 48 jam selepas bangkai anak penyu betina ditemukan pagi kelmarin.

“Sepanjang 15 tahun menjadi pemajak telur, saya sudah biasa jumpa bangkai penyu tetapi kematian berturut-turut sejak bulan lalu cukup membimbangkan,” katanya ketika dihubungi.

Menurut Roslan, pemerhatian mendapati terdapat beberapa kesan kecederaan di bahagian badan haiwan berkenaan, dipercayai akibat tersangkut pada pukot nelayan.

Lagi bangkai penyu terdampar di pantai

KEMAMAN – Kematian melibatkan penyu agar di daerah ini semakin menjadi-jadi apabila seekor lagi bangkai haiwan berkenaan ditemui penduduk di Pantai Kijal di sini semalam.

Pemajak telur penyu, Roslan Mohamad, 54, berkata, bangkai penyu agar jantan seberat kira-kira 85 kilogram itu ditemui terdampar di pantai berkenaan berhampiran sebuah resort pada pukul 8 pagi.

"Saya menemui bangkai penyu agar jantan yang dianggarkan berusia 65 tahun sewaktu melakukan pemantauan rutin di kawasan pendaratan penyu terbabit.

"Ini bangkai penyu kedua yang saya jumpai di kawasan pantai sama dalam tempoh 48 jam dan keempat sepanjang dua minggu ini," katanya ketika

dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Difahamkan, sebanyak 19 ekor penyu yang kebanyakannya dari spesies agar telah ditemui mati di pesisir pantai seluruh Terengganu sejak awal tahun ini.

Roslan berkata, berdasarkan pengalaman dan pemerhatian terhadap keadaan fizikal bangkai penyu terbabit, dia percaya kematian haiwan reptilia itu disebabkan lemas akibat terperangkap di dalam pukuk.

Jelasnya, dia telah maklumkan penemuan bangkai penyu terbabit kepada Jabatan Perikanan Terengganu.

"Berdasarkan pengalaman, saya meramalkan lebih banyak bangkai penyu akan ditemui terdampar di pesisir pantai negeri ini selepas ini," katanya.



BANGKAI penyu agar yang ditemui seorang pemajak telur di Pantai Kijal, Kemaman semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	16

PROGRAM MODEL PENGURUSAN ESTET PADI 2.0

Sasar peningkatan 8 tan per hektar

Pendang: Kerajaan Kedah bersama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyasarkan peningkatan hasil padi sehingga lapan tan per hektar menjelang 2026 menerusi Program Model Pengurusan Estet Padi (EMM) 2.0.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, program dilaksanakan di kawasan seluas 64 hektar di Kampung Asam Jawa di sini, sejak tahun lalu adalah kesinambungan kejayaan Program EMM 1.0 yang diperkenal pada 2011.

"Kami harap program menggunakan Sistem Pertanian Pintar (SPP) ini dapat diperluaskan ke semua kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

"Projek ini dikendalikan

syarikat tempatan memabatkan penggunaan Internet Pelbagai Benda dan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0)," katanya selepas melawat tapak Projek EMM 2.0, di sini, kelmarin.

Muhammad Sanusi berkata, musim lalu, projek itu mencatatkan purata hasil padi hampir 4.7 tan per hektar.

Sementara itu, NCIA memaklumkan Program EMM 2.0 mampu meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil tanaman padi.

Katanya, Program EMM 2.0 inisiatif strategik di bawah NCIA Agribio Economic Zone (NAEZ) membabitkan dua kawasan iaitu Transkri-an Agri Hub dan Chuping-Bukit Kayu Hitam Agri Belt.

Ayam Saga mampu tampung keperluan permintaan

MARDI optimis pembangunan baka bantu industri ternakan dalam jangka masa panjang

Oleh Suzalina Hatid
suzalina@bhi.com.my

Serdang: Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan baka ayam kampung dikenali sebagai Ayam Saga, yang dapat membantu industri ternakan ayam tempatan dalam jangka masa panjang.

Pembangunan baka Ayam Saga itu bukan sahaja dapat membantu menampung keperluan permintaan ayam, malah bekalan telur yang diperlukan pengguna.

Timbalan Ketua Pengarah MARDI, Dr Mohamad Kamal Abdul Kadir, berkata pihaknya menjangkakan dapat menghasilkan 500,000 ekor Ayam Saga menjelang 2025, yang boleh disembelih atau menghasilkan telur lebih banyak dalam tempoh lebih singkat berbanding ayam kampung biasa.

Beliau berkata, Ayam Saga

mempunyai ciri seperti ayam kampung biasa, tetapi pertumbuhannya lebih cepat dan seragam serta boleh mencapai berat satu kilogram (kg) iaitu berat yang sesuai untuk disembelih dalam tempoh lapan minggu atau dua bulan, berbanding tempoh enam bulan untuk ayam kampung biasa.

Katanya, baka yang dibangunkan MARDI menggunakan sumber genetik gabungan ayam kampung tempatan itu boleh mencapai berat sekitar 1.3kg bagi ayam jantan dan 1.5kg bagi ayam betina pada umur 10 minggu hingga 12 minggu.

Dari segi penghasilan telur pula, Mohamad Kamal berkata, Ayam Saga mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 100 biji hingga 120 biji telur seekor selama 65 minggu hingga 70 minggu berbanding 60 biji hingga 80 biji bagi tempoh sama untuk ayam kampung biasa.

"MARDI sudah menjalankan pembangunan baka Ayam Saga sejak 2008 dan kajian berkaitan nya berterusan hingga kini bagi meningkatkan mutu baka ayam kampung ini ke arah kelestarian pengeluaran sumber protein negara.

"Ayam Saga terhasil daripada

gabungan empat strain ayam kampung yang dihasilkan MARDI iaitu Alfa, Beta, Gamma dan Tetta, dengan kadar tumbesaran lebih cepat dan penghasilan telur yang lebih banyak.

"Makanannya pula diformulasi menggunakan bahan tempatan dan kos makanannya 15 peratus lebih rendah berbanding kos makanan ayam biasa, yang berasaskan bahan import seperti jagung dan mil kacang soya.

"Ayam Saga ini juga sesuai untuk diternak secara separa intensif atau lepas bebas di bawah ladang kelapa sawit, getah atau buah-buahan, yang mana mana pemeliharaan dan pemakanannya lebih mudah dan ringkas berbanding ayam daging biasa.

"Kita menjangkakan penghasilan 500,000 ekor Ayam Saga menjelang 2025 dan 2.5 juta ekor setahun, bersamaan satu peratus daripada populasi ternakan ayam di negara ini menjelang Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)," katanya.

Beliau berkata, penghasilan Ayam Saga itu dapat membantu mengurangkan kebergantungan import induk dan baka ayam jantan.

Berikutan itu, katanya, MARDI



Pekerja di Ladang Induk MARDI Muadzam Shah melakukan kerja pemeraman telur Ayam Saga.

mengharapkan kerjasama syarikat, estet dan penternak ayam untuk menjayakan projek ini.

Ketika ini, Mohamad Kamal berkata, MARDI mempunyai enam penternak pembaka atau induk (parentstock (PS)) Ayam Saga dan masih mencari sekurang-kurangnya 16 lagi penternak PS untuk mengembangkan baka itu.

"Buat masa ini, purata induk Ayam Saga kurang daripada 1,000 ekor bagi setiap ladang PS, dengan penghasilan setiap bulan adalah daripada 84,000 hingga 100,000 anak ayam setiap bulan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Ayam Saga mempunyai daging yang lebih pejal dan kenyal, berupaya untuk menggunakan makanan berserat tinggi tanpa mengganggu prestasi pertumbuhannya.

Katanya, ini juga satu kelebihan Ayam Saga, yang mana bahan makanan alternatif tempatan yang kebanyakannya berserat tinggi dapat dimasukkan ke dalam formulasi makanan Ayam Saga pada paras lebih tinggi, sekali gus mengurangkan penggunaan bahan import dan kos penghasilan makanan untuk ternakan itu.

Penternak dakwa tersepit dengan syarat kerajaan

Kuala Lumpur: Penternak ayam di negara ini mendakwa mereka dalam keadaan tersepit dengan pelbagai ketetapan kerajaan, termasuk yang terbaru apabila diarah memaksimumkan semula kapasiti pengeluaran seperti sedia kala dalam tempoh empat bulan.

Berikutan itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Jeffrey Ng, meminta Kementerian bertanggungjawab menetapkan hala tuju yang jelas berkaitan industri berkenaan dalam usaha kerajaan menstabilkan harga ayam dan telur ternakan itu.

Beliau berkata, penternak juga keliru dengan harga siling ayam yang ditetapkan, apabila Kementerian Perdagangan Dalam Ne-

geri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), masing-masing menetapkan harga siling yang berbeza.

"Penternak dalam keadaan tersepit kerana tidak pasti mana satu ketetapan yang perlu dipatuhi, pada masa sama, tidak mahu menyalahi undang-undang.

"Dalam isu harga siling, sebolehnya kita mahu harga yang tinggi kerana dengan subsidi 60 sen, sekurang-kurangnya kita dapat bernafas. Jika tidak, memang tiada keuntungan, malah pengiraan lagi rugi.

"Sehubungan itu, FLFAM berharap kerajaan menyegerakan pemberian subsidi untuk memastikan pengusaha terus kekal

dan tidak gulung tikar kerana tidak mampu menjana hasil untuk pusingan modal," katanya kepada BH.

Beliau berkata, harga semasa anak ayam sudah pun naik sebanyak 30 sen kepada RM2.50 seekor, manakala harga dedak

juga meningkat.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kerajaan memberi tempoh empat bulan kepada industri ternakan ayam dan telur ayam untuk memaksimumkan semula kapasiti

pengeluaran seperti sedia kala.

Jeffrey berkata, sekiranya anak ayam dihasilkan sendiri oleh pengusaha, subsidi diberikan mungkin memadai, tetapi bagi pengusaha yang terpaksa membeli, subsidi perlu diperhalusi semula seiring dengan harga jualan hasil ladang itu yang ditetapkan KPDNHEP dan MAFI.

"Jika modal pusingan pun semakin kecil, pembelian anak ayam juga sedikit dan kapasiti tidak dapat ditingkatkan. Justeru, apa yang pengusaha perlukan ketika ini ialah mekanisme bayaran subsidi itu diperhalusi dan harga jualan diselarakan. Kami tidak minta lebih, sekurang-kurangnya kami masih lagi bertahan dalam industri ini," katanya.

Penternak dalam keadaan tersepit kerana tidak pasti mana satu ketetapan yang perlu dipatuhi, pada masa sama, tidak mahu menyalahi undang-undang

Jeffrey Ng,
Penasihat Persekutuan
Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia



Spike in cost leaves durian farmers in thorny spot

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Durians may cost more in the coming harvest season this April due to a spike in the cost of fertilisers and pesticides.

Farmer Max Goh, 46, said the price of multiple kinds of fertiliser used on his farm of about 400 trees has gone up by more than 40% since last year.

"We have fertilisers for rooting and to reinforce the trees after the harvest, as well as fertilisers for flowering and fruiting.

"Fertilisers are used throughout the year as durian trees require a great amount of care to produce good fruit.

"Since the middle of last year, the average price of three types of fertiliser used on my farm has increased from RM110 to RM160 for each 25kg bag," he said yesterday.

Besides fertilisers, Goh said the cost of pesticides has also increased from RM300 to RM500 for 20-litre concentrates.

"Despite the rising costs of producing durians, I am expecting a good harvest this year and hope the larger supply will make up for the high costs.

"I expect the prices of durians to retail at between 10% to 20% higher after the harvest in April and May, but factors such as the Covid-19 situation and amount of harvest might balance up prices.



Dearer durians: In the upcoming harvest season, the fruit may cost more due to higher production costs. — YAP CHEE HONG/The Star

"If Covid-19 cases are high leading to a drop in demand, or if there is an abundant harvest, then the price of durians might fall," he added.

Another farmer, Ng Wei Dave, whose farm is in Sungai Ara, said he

has seen three price hikes for fertiliser since last year.

"I am worried that the price will increase further. Fertilisers, which were once priced between RM120 and RM130 per 50kg, now cost almost RM190 to RM200.

"Commonly-used fertilisers such as NPK ... have also increased in price by about 30%.

"There were three major price hikes in August, October and November last year, and I was told that suppliers might increase the

price further.

"If such costs continue to increase, I'll lose my profit from selling durians after the harvest as it's not appropriate to simply increase retail prices," said Ng, 40.

Although it was too early for 39-year-old farmer Tan Chee Wei to predict retail prices, he said the price increase of fertilisers was not favourable to farmers.

"Everything is increasing in price, including fertilisers.

"We understand the people's hardship during these difficult economic times, and durians are meant to be appreciated by everyone.

"As we struggle to constantly compete for pricing and to keep durians affordable, the rising cost of production will be a challenge for us to market the fruit," he said.

Attempts to contact a major fertiliser supplier in George Town for comments were futile.

During the durian season in 2020, orchard owners and sellers were caught in a bind as they could not sell their harvest due to the movement control order.

Many durians went to waste or were frozen and sold at lower prices.

After restrictions eased last year, durians were back in demand and more easily marketed with sellers providing services such as direct delivery to customers and wholesalers exporting them.

100 penanam tembikai rugi kebun dinaiki air

Bachok: Lebih 100 pekebun tembikai di Kandis di sini, kerugian apabila tanaman mereka rosak akibat air bertakung susulan hujan sejak kelmarin.

Ada di antara mereka terpaksa memul awal tanaman bagi mengelak lebih banyak kerosakan, manakala sebahagian pula cuba menyelamatkan tanaman dengan mengempam keluar air bertakung.

Safiah Mansor, 62, berkata tanaman tembikai diusahakannya bersama pekebun lain ditenggelami hujan yang turun sejak petang hinggla malam kelmarin.

"Hujan sehabarian sudah cukup buat tanaman tembikai saya sehuas dua hektar tenggelam dalam air setinggi 0.3 meter. Kalau ikutan, sepatutnya lagi seminggu dua baru tembikai boleh dipetik. Sudah tiga tahun tidak berdepan situasi ini kerana cuaca buruk," katanya yang mula menanam tembikai pada Disember lalu dan sepatutnya menuai hasil pada Mac," katanya ketika ditemui semalam.

Safiah menganggarkan kerugian lebih RM40,000, termasuk modal tanaman RM15,000 dan hasil lebih 10 tan yang biasanya dikutip di ladang berkenaan dan Kampung Kuaui.

Seorang lagi pekebun, Mohd Ayub Azmi, 26, ber-



Safiah memetik tembikai yang ditenggelami air di kebunnya di Kampung Kandis, Bachok. (Foto Nor Amalina Alias/BH)

Seorang petani, Abdul-
lah Abdul Ghani, 53, berkata hujan lebat sejak Jumat lalu menenggelamkan 9,000 pokok tembikai-nya yang sudah mula berbuah di atas tanah sehuas empat hektar dan terpaksa berputih mata apabila kehilangan modal sebanyak RM30,000 selain potensi menjana pendapatan sekitar RM100,000.

"Pendapatan itu yang saya rancang untuk digunakan sebagai pusingan modal, untuk bayar gaji 16 pekerja saya, perbelanjaan keluarga dan persiapan menyambut bulan puasa serta Hari Raya nanti," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Telaga Papan, semalam.

Ibu tujuh anak, Rusniza Zakaria, 42, dia masih risau keadaan cuaca ketika ini memandangkan hasil tembikai adalah punca pendapatannya sekeluarga.

Sementara itu, hampir 40 petani di Tanah Kelompok Bedia Kampung Telaga Papan, Setiu terpaksa menanggung kerugian keseluruhan bernilai RM910,000, apabila tanaman tembikai yang diusahakan mereka di atas tanah berkeluasan 91 hektar, musnah akibat banjir Sabtu lalu.

Petani rugi tembikai ditenggelami air

Terpaksa petik awal buah yang belum matang untuk elak kerugian lebih besar

Oleh SITI FATHAH AWANG

BACHOK

Lebih 100 pengusaha tembikai di kawasan Kandis di sini berputih mata apabila hasil tanaman mereka musnah ditenggelami air akibat hujan lebat berterusan pada Selasa.

Seorang pengusaha, Mohd Ayub Azmi, 26, berkata, keadaan hujan lebat tersebut memusnahkan tanaman tembikai di 14 hektar ladang yang diusahakan ayahnya, Azmi Yacob, 62.

"Saya terpaksa memetik awal buah tembikai ini sebab takut semakin banyak yang rosak nanti. Tembikai yang ada masih belum matang tapi kami terpaksa kutip juga.

"Harga pun akan terjejas sebab kita jual yang masih belum masak sepenuhnya. Namun apakan daya, jika tidak bertindak, kami akan berdepan kerugian yang lebih besar," katanya kepada pemberita di sini pada Rabu.

Seorang lagi pengusaha, Safiah



Pengusaha memetik tembikai yang belum matang untuk mengelakkan buah berkenaan rosak.

Mansor, 62, berkata, dia tidak menyangka hujan berterusan itu menjejaskan tanaman mereka.

Katanya, tanaman yang diusahakan di atas tanah seluas dua hektar berkenaan sepatutnya hanya menunggu masa untuk dipetik, namun ia ditenggelami air sehingga paras 0.3 meter.

Kejadian tersebut menyebabkan Safiah kerugian lebih RM40,000.

Malah, katanya, kejadian seperti itu sudah tiga tahun tidak berlaku di kawasan berkenaan.

Sementara itu, Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika dihubungi berkata, pihaknya mengambil maklum dan menunggu laporan Jabatan Pertanian Negeri untuk menyalurkan sebarang bantuan.

Jelas beliau, kerajaan negeri dan kerajaan Pusat ada menyediakan bantuan kepada petani terlibat dalam bencana yang merosakkan projek ternakan atau pertanian.

Rugi RM500,000 tanaman tembikai digenangi banjir kilat

BACHOK – Ratusan penanam tembikai di sekitar daerah ini dan Pasir Puteh berdepan kerugian mencecah hampir RM500,000 apabila kebun mereka dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat yang berlaku tiga hari berturut-turut sejak Isnin lalu.

Difahamkan, sebahagian kecil tembikai terpaksa dituai lebih awal meskipun belum matang, manakala sebahagian besar lagi pokok yang sedang berbunga dan berputik rosak akibat digenangi air banjir.

Seorang petani dari Kampung Dalam Ru, Mohd. Nawidullah, 60, berkata, kira-kira 1.2 hektar tanaman tembikai yang sudah berbunga mati begitu sahaja akibat ditenggelami air banjir.

“Kami baru selesai melakukan pendebungaan bagi membolehkan pokok berbuah, namun hujan lebat dan tidak dijangka pula berlaku. Musim ini kami terpaksa menanggung kerugian besar. Penat lelah semua tidak berbaloi,” katanya ketika ditemui

pemberita semalam.

Sementara itu, di Kampung Kandis dan Kampung Amir di sini, para petani berusaha memungut saki-baki buah yang boleh diselamatkan dengan sebahagian besar buah yang rosak terpaksa dibuang.

Safiah Mansor, 62, berkata, modal sebanyak RM15,000 hangus kerana tidak sempat menuai buah tembikai yang sepatutnya matang dalam tempoh dua minggu lagi.

“Kebun seluas lebih dua hektar kini menjadi kolam apabila digenangi air sedalam 0.3 meter. Tahun ini saya hanya mampu berputih mata,” katanya.

Sementara itu, Azmi Yacob, 62, bersama lima anaknya yang mengusahakan lebih 14 hektar tembikai pula terpaksa menuai buah lebih awal sebelum menjualnya pada harga yang paling murah.

“Tidak ramai pemborong sanggup membelinya kerana kluatir buah itu tidak akan tahan lama untuk dijual secara runcit,” katanya.



SAFIAH menunjukkan buah tembikai yang ditenggelami air di Kampung Kandis, Bachok semalam. – TOREK SULONG

'Pesta' cari siput remis di pantai Persiaran Gurney

GEORGE TOWN - Siapa sangka di sebalik kepesatan pembangunan melabatkan penambakan laut di Persiaran Gurney di sini, masih terdapat hidupan laut bercengkerang yang menjadi rezeki kepada penduduk di situ.

Suasana petang ketika air laut surut menjadi pilihan penduduk untuk mencari siput remis di persisiran pantai Persiaran Gurney.

Seorang pencari siput, Mazni Nasir, 32, berkata, dia berjaya memperoleh kira-kira dua kilogram siput remis kelmarin.

Menurutnya, dia datang ke kawasan pantai itu kira-kira pukul 5 petang bersama empat lagi ahli keluarga yang lain.

"Kami tak sangka jumlah siput remis di sini banyak kali ini dan tidak seperti selalu, mungkin ombak kuat beberapa hari lalu menghanyutkan siput itu," katanya di sini.

Menurutnya, dia tidak beradang untuk menjual siput berkenaan kerana ingin diagihkan kepada ahli keluarga terdekat yang memang menggemari ma-



MAZNI menunjukkan hasil pencarian siput remis di pesisir pantai Persiaran Gurney, George Town kelmarin. - IQBAL HAMDAN

kanan laut berkenaan.

"Siput remis ini mempunyai isi yang manis serta lembut dan sesuai direbus sahaja untuk dinikmati secara segar," ujarnya.

Seorang lagi pencari siput, Hawa Kadir, 40, berkata, dia kerap mencari siput di kawasan itu untuk menambah sumber pendapatan.

"Hari ini (semalam) saya berjaya mendapat lebih lima kilogram siput selepas hampir tiga jam bergelumang dengan pasir.

"Kawasan ini memang terkenal dalam kalangan pencari siput, kali ini ia dapat diperoleh dengan banyak mungkin kerana faktor air surut yang lama," katanya.

Ikan tapah 'gergasi' dijual RM2,750 seekor



ROPIDI (tengah) bergambar bersama seekor ikan tapah yang ditangkapnya di Sungai Sedim, Kampung Kuala Sidim, Padang Serai, Ahad lalu.

KULIM - Seorang penduduk Kampung Paya Ketiau di Padang Serai di sini berjaya memukat seekor ikan tapah sepanjang dua meter dan seberat 55 kilogram (kg) di Sungai Sedim di sini pada Ahad lalu.

Ropidi Ishak, 43, berkata, pukot sepanjang 30 meter dan lebar 10 meter itu dipasang selama lima hari di tengah sungai di Kampung Kuala Sidim, Padang Serai.

"Selepas itu, saya akan memeriksa pukot dua kali setiap hari iaitu pagi dan petang.

"Pada petang Ahad lalu, saya pelik apabila melihat pukot itu bergulung-gulung seperti ada sesuatu tersangkut sebelum mendayanya sebelum mendapati ada ikan tersangkut," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dia menggunakan seluruh tenaganya untuk menaikkan ikan tersebut seorang diri ke dalam sampan.

Katanya, ikan itu dijual kepada peraih pada harga RM50 sekilogram atau RM2,750 se-

ekor dan ia merupakan hasil tangkapan terbesar yang pernah diperolehnya selepas 10 tahun.

"Sebelum ini saya pernah dapat ikan tapah, tetapi seberat antara 12 hingga 16kg sahaja," ujarnya.

17/2/2022

UTUSAN

DALAM

9

MALAYSIA

NEGERI

Bekalan ayam, telur patut pulih dua bulan sahaja - FOMCA

PETALING JAYA: Penternak sepatutnya menyediakan bekalan ayam dan telur sekurang-kurangnya dalam tempoh dua bulan berbanding empat bulan yang dijamin kerajaan.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengusaha Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, ketika ini, semua pihak perlu mengambail sikap kerjasama dalam memastikan ia mencukupi.

Bagaimanapun, katanya, ia diharap berada dalam pasaran sekurang-kurangnya dalam tempoh dua bulan bagi memenuhi permintaan.

"Memang proses mengambuil masa sehingga empat bulan, cuma kita berharap bekalan mula ada di pasaran pada dua atau satu bulan lebih dari sekarang dan beransur stabil

"Namun, mungkin tempoh empat bulan itu bagi memas-

ukan bekalan tersebut benar-benar cukup." katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan untuk menstabilkan harga ayam dan bekalan telur ayam dalam tempoh empat bulan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, ia berikutan temakan ayam mengambuil masa tempoh 35 hingga ke 40

hari untuk matang.

Mohd. Yusof menambahkan, pengguna juga dinasihatkan untuk mengurangkan penggunaan bekalan terutamanya ayam pada bulan Ramadan malumpun perayaan Aidilfitri.

"Dalam masa sama, pengguna sepatutnya perlu bersederhana dari segi penggunaan bagi membolehkan bekalan mencukupi keperluan semua pengguna.

"Jadi ini adalah m," ujarnya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer-Ali Mydin berkata, kerajaan diharap dapat menukarkan harga ayam selepas bekalan mencukupi bagi membantu meringankan beban rakyat.

Kataanya, ini berikutan kadar harga runcit bagi ayam standard pada RM 8.90 ketika ini dilihat masih mahal kepada pengguna membeli bekalan tersebut.

17/2/2022

UTUSAN

DALAM

81

MALAYSIA

NEGERI

Pendapatan pesawah alami kemerosotan 50 peratus

OMI SYED AZLAN SAYID HIZAR
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Kenaikan harga input pertanian kebelakangan ini menyebabkan pendapatan pesawah khususnya yang mengusahakan tanaman padi secara menyewa mengalami kemerosotan sehingga 50 peratus.

Kenaikan harga pelbagai jenis input pertanian seperti racun rumput, racun serangga dan vitamin tanpa subsidi menyebabkan kos tanaman padi meningkat di sebalik hasil tuai petani yang tidak menentu.

Pesawah memberitahu, harga racun rumput sebelum ini sekitar RM45 bagi empat liter meningkat kepada RM90 manakala racun serangga dari RM25 seliter naik kepada RM45 hingga RM48.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pesawah dari Santan, Mansor Hasan, 64, yang mengusahakan tanaman padi secara sewaan berkata, secara purata pendapatannya berkurangan hampir 50 peratus setelah mengambil kira kenaikan harga input pertanian.

Katanya, kos mengusahakan 0.288 hektar bendang secara sewaan dianggarkan RM1,000 termasuk kos membajak sehingga padi dihantar ke kilang untuk diproses.



KENAIKAN harga input pertanian kebelakangan ini memberi kesan kepada pendapatan pesawah khususnya yang mengusahakan tanaman padi secara menyewa. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

“Daripada jumlah itu, RM400 adalah kos sewa bendang, benih padi (RM100), pembajakan serta tabur selerak (RM240), perkudmatan mesin padi (RM140) dan lain-lain upah seperti racun, angkut padi dianggarkan sekitar RM200. Bagaimana nak dapat pendapatan lebih jika input pertanian meningkat.

“Pendapatan pesawah menyewa terutamanya di sebelah Perlis utara seperti di mukim Padang; Paul pada musim pertama setiap tahun yang bermula April atau Mei bagi 0.288 hektar adalah sekitar RM1,800 hingga RM2,000,” katanya.

Tambah Mansor, pendapatan pesawah yang tidak menentu

dipengaruhi beberapa faktor seperti cuaca, keadaan tanah, tahap penjagaan tanaman padi, penyakit dan sebagainya.

Seorang lagi pesawah, Zahid Othman, 53, berkata, kerajaan wajar menyelesaikan isu kenaikan harga input pertanian berkaitan masalah tersebut sangat membebankan pesawah.

OKU cacat penglihatan cabar diri ternak arnab

KUALA NERUS - Bermain alat muzik, menjadi tukang urut, menjual tisu atau makanan ringan di tempat awam merupakan antara cara biasa Orang Kurang Upaya (OKU) cacat penglihatan mencari rezeki, berseesuaian dengan keupayaan mereka yang terhad.

Berbeza dengan Mohd Fauzi Mansor, 50, yang buta kedua-dua matanya telah mencabar diri untuk keluar dari 'zon selesa' itu dengan menceburkan diri dalam bidang penternakan arnab sejak dua tahun lepas, setelah yakin dengan potensi cerah dalam industri berkenaan.

Mohd Fauzi yang juga Pengerusi Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) Wilayah Terengganu berkata pada awalnya beliau kurang yakin dengan kemampuan dirinya

untuk menguruskan ternakan itu kerana mempunyai masalah penglihatan.

"Namun, setelah mendengar sendiri penerangan daripada beberapa ahli Persatuan Penternak Arnab Terengganu, barulah saya berani memulakan langkah dengan memelihara tiga ekor arnab sebagai percubaan," katanya kepada Bernama di rumahnya di Seberang Takir di sini.

Menariknya, beliau menggunakan kaedah penternakan unik iaitu dengan merujuk tarikh yang ditandakan pada setiap arnab peliharanya agar dapat memantau perkembangan haiwan berkenaan dengan lebih mudah dan sistematik.

"Data yang akan direkod ialah seperti tarikh mengawan, tarikh lahir dan tarikh cerai susu," kat-

anya kepada Bernama di rumahnya di Seberang Takir di sini.

Memandangkan Mohd Fauzi tidak dapat melihat, setiap arnab akan dimasukkan ke dalam sangkar berserta nombor rujukan khas untuk memudahkannya mengenal pasti identiti haiwan tersebut.

Kini, beliau mempunyai lebih 100 ekor arnab ternakannya dengan pendapatan lebih RM2,000 sebulan dan telah berkongsi kelebihan menernak arnab dengan OKU cacat penglihatan yang lain agar mereka juga mampu berkari sepeertinya.

Mohd Fauzi berkata seekor anak arnab boleh dijual pada harga antara RM150 hingga RM180, manakala arnab dewasa berharga lebih RM300 bergantung pada baka dan saiz haiwan berkenaan.

"Setakat ini, enam ahli Pertis

telah mula menernak arnab dan kami sentiasa menganjurkan kursus penternakan dengan modul lengkap seperti pemilihan spesies arnab, jenis sangkar, pemakanan yang berkualiti dan cara membiakkan arnab yang sempurna untuk mendapatkan anak yang berkualiti.

"Selain menjadi tukang urut, kami berharap lebih ramai ahli Pertis yang akan berminat menceburi ternakan arnab ini kerana modalnya tidak terlalu besar dan sistem penjagaannya juga tidak begitu rumit," katanya yang turut menggunakan khidmat seorang ahli Pertis untuk membantu menjaga haiwan tersebut secara sepenuh masa.

Seorang lagi OKU penglihatan, Aziz Musa, 53, yang turut menernak arnab mencipta kelainan den-

gan menghasilkan minyak urut saraf yang dihasilkan daripada lemak arnab.

"Saya mengetahui khasiat minyak lemak arnab ini kerana ia sebahagian daripada perawatan Islam. Lemak dicampur dengan ramuan tempah ratus yang lain, ramai tukang urut saraf dan refleksiologi yang menggunakan minyak urut tersebut sangat berpuas hati dengan kesannya.

"Saya menjualnya dalam dua saiz botol iaitu 100 mililiter (ml) pada harga RM20 dan 60 ml pada harga RM15.

"Setakat ini jualan bulanan sekitar RM2,000 dan sasaran saya adalah lebih ramai OKU penglihatan menjadi ejen jualan untuk meningkatkan pendapatan mereka," katanya. BNM

Nanas MD2 tawar pendapatan hingga RM80,000 seekor - Usahawan tani

KUALA LUMPUR - Berpotensi menghasilkan pendapatan hingga RM50,000 bagi setiap ekar (0.4 hektar), perladangan nanas MD2 sememangnya berbaloi diteroka, dan Hasnul Amri Jamaluddin dari Johor, Negeri Sembilan antara yang sanggup meninggalkan kerjaya berpejabat dan menceburi bidang itu.

Hasnul Amri, 27, menukar kawasan bertanah mineral di lereng bukit seluas ekar miliknya kepada ladang nanas MD2 yang dijangka mengeluarkan hasil pertama pada Mei ini.

Menurut usahawan muda itu, selain putangan lunyan, tanaman nanas juga tidak banyak "kerenah" dan buah pula boleh menghasilkan pelbagai produk lain seperti jus yang semakin popular dalam kalangan masyarakat.

Potensi pasaran buah nanas segar juga besar di negara ini dan tidak putus, katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Minat pemiagaan tani

Hasnul Amri berkata sebelum menjadi usahawan tani, beliau adalah penyelidik di Kementerian Kesihatan selepas menamatkan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia pada 2018.

"... namun hati saya sebenarnya lebih meminati bidang pemiagaan dan pertanian. Maka saya ambil keputusan menceburi bidang pertanian nanas," katanya, menambah usaha beliau dibantu oleh bapa saudaranya.

Bagaimanapun katanya, sebelum membuka ladang nanas tersebut, beliau terlebih dahulu mempelajari ilmu tentang pertanian dan juga tanaman berkenaan.

Menurutnya, beliau memperoleh 26,000 benih nanas daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan memulakan penanaman fasa pertama pada Mac 2021, menaburkan 13,000 pokok berbekalkan modal RM45,000 bagi setiap ekar.

"Pokok nanas mencapai tempoh matang pada usia sembilan bulan, iaitu tempoh sesuai untuk menjalankan aktiviti aruhan pendebungaan.

"Proses ini dijalankan secara berperingkat bagi mengawal jadual pengeluaran hasil. Secara keseluruhan, tanaman nanas boleh dituai hasil dalam tempoh 14 bulan selepas penanaman," katanya yang merancang memperluas ladang hingga 100,000 pokok dalam masa terdekat.

Berinovasi

Sementara menunggu hasil ladang sendiri, Hasnul Amri tidak berpeluk tubuh, sebaliknya menggunakan kilang jus nanas yang beroperasi di Shah Alam, Selangor.

Menurutnya, beliau mendapatkan bekalan nanas berkualiti tinggi daripada pengusaha ladang nanas lain yang menyaksikan jus jenama Johor Pine mula dipasarkan secara dalam talian pada penghujung Jun

lahun lepas.

"Hingga kini kami berjaya menjual kira-kira 8,000 botol jus segar dengan pendapatan keseluruhan sekitar RM24,000," katanya, menambah beliau hanya menggunakan buah premium AA, iaitu dengan berat dua kilogram ke atas.

Menurutnya, pemilihan buah juga harus dilakukan secara berhati-hati bagi mengekalkan kesegaran jus dan rasa manis buah asli.

"Saya tidak menggunakan sebarang perisa tambahan apatah lagi perisa tiruan dalam jus ini," katanya, menambah beliau bercadang untuk mengeluarkan produk sambal hitam nanas dalam tempoh terdekat.

Pada masa sama, Hasnul Amri yang berdaftar sebagai usahawan nanas dengan LPNM, menasihati mereka yang berminat menceburi bidang itu agar mematuhi kaedah penanaman mengikut teknologi yang disyorkan oleh LPNM, bagi memastikan penghasilan buah berkualiti dan mengikut tempoh yang sewajarnya.

Terus hujur bantuan

Sementara itu, Pengarah LPNM Negeri Sembilan dan Melaka Siti Hajar Kamlee berkata terdapat pelbagai bantuan yang disediakan untuk pengusaha nanas mengikut program yang ditetapkan oleh lembaga itu.

Antaranya ialah Program Pengukuhan Tanaman Nanas Bertilai Tinggi yang menyahurkan bantuan

berupa 42,000 sulur nanas - mencukupi untuk sehektar, serta bantuan input pertanian berupa baja sebatian nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) mengikut keluasan ladang.

"Syarat permohonan pula ialah peserta mestilah warganegara Malaysia dan tanaman nanas yang dimiliki ialah secara tunggal, mempunyai pemilikan tanah yang sah serta keluasan minimum adalah seekor," jelasnya.

Bagi peserta Program Integrasi Tanaman pula, mereka akan menerima bantuan berupa 8,000 hingga 10,000 sulur nanas setiap ekar, manakala untuk peserta Program Agropreneur Muda, bantuan geran akan diberikan dalam bentuk barangan (dengan nilai maksimum RM20,000 setiap individu).

"Syarat permohonan untuk program ini ialah individu berumur 18 hingga 40 tahun dan baru memulakan projek tanaman. Mereka juga wajib mengikuti latihan teknikal yang dianjurkan oleh jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau yang diiktiraf kementerian," jelasnya.

Menurut Siti Hajar, LPNM sentiasa mengadakan kursus secara teori dan juga amali kepada pengusaha dan maklumat lanjut boleh didapati daripada laman sesawang LPNM (www.mplb.gov.my) atau media sosial rasmi Facebook LPNM.

Potensi industri

Berkongsi mengenai potensi industri nanas untuk pasaran di dalam dan luar negara, Siti Hajar berkata pasaran dalam negara mempunyai ruang untuk berkembang dengan lebih luas kerana kekurangan saingan dari luar negara.

"Untuk pasaran luar negara, permintaan nanas segar daripada negara China sahaja sebanyak 100 kontena sebulan. Industri nanas juga telah menguasai beberapa pasaran utama seperti di negara Timur Tengah, Singapura dan Jepun, selain pemerolehan pasaran baharu seperti di Eropah yang akan membantu meningkatkan lagi kecemerlangan industri nanas Malaysia.

"Ini kerana pelbagai produk dapat dihasilkan daripada sebiju nanas. Antaranya ialah produk berasaskan makanan seperti kerepek nanas, sos nanas, kopi nanas, jus/minuman, jem dan tart nanas, manakala produk bukan makanan adalah seperti kertas, silaj, kosmetik dan barang serat nanas.

"Perlu kita tahu buah nanas penuh dengan khasiat seperti vitamin C, B, dan enzim bromelin. Nanas MD2 pula memiliki lebih kemanisan, pulpanya lebih manis, kurang serat dan mengandungi empat kali lebih banyak vitamin C daripada nanas jenis lain. Sebab itu kita jangkakan industri nanas, terutamanya MD2, mempunyai potensi besar dan perlu terus diteroka dari semasa ke semasa," ujarnya. BNM